

SULIT  
1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
September  
2008  
2 ½ jam

1103/2

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

**ANJURAN BERSAMA**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN) PERLIS  
DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS**



---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah

### Soalan 1 : Rumusan

[ 30 markah ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah remaja bekerja sambil dan keburukannya kepada remaja**. Panjang rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.*

Berbagai-bagai pandangan telah dilontarkan berkaitan pelajar yang menjalankan kerja sambil di luar waktu belajar. Ada yang berpandangan positif dan tidak kurang juga di sebaliknya. Yang pasti, perkara ini sudah menjadi lumrah dalam kalangan remaja di kota, lebih-lebih lagi buat remaja daripada keluarga yang berpendapatan sederhana atau rendah bagi membantu meringankan beban keluarga. Remaja yang bekerja sambil melakukan berbagai-bagai pekerjaan seperti menjadi pelayan di rangkaian restoran makanan segera, membantu keluarga di gerai, bekerja di pasar raya dan sebagainya bagi menimba pengalaman. Ada yang sekadar mahu mencari duit poket dengan bekerja sambil.

Pekerjaan sambil ini tidak seharusnya menjejaskan pencapaian akademik kerana kerja yang dilakukan adalah pada waktu lapang. Pelajar yang baik dapat membahagikan masanya dengan bijak antara masa belajar dan masa bekerja. Bekerja sambil telah memahirkan pelajar dengan pengurusan masa yang terancang. Selain itu, bekerja secara sambil juga dapat mengelakkan masa lapang remaja terbuang begitu sahaja. Pengalaman berinteraksi dengan orang ramai melalui pekerjaan sambil mampu mengembangkan kebolehan interpersonal bagi seseorang remaja. Remaja yang pernah bekerja sambil jauh lebih yakin apabila berhadapan dengan orang lain. Contohnya, mereka akan dapat mempamerkan keterampilan diri ketika menghadapi temu duga. Faktor keyakinan diri amat berharga dalam melayari alam pekerjaan dan kemajuan kerjaya seseorang.

Bekerja sambil juga mengajar remaja untuk lebih berdikari. Rata-rata golongan remaja masih hidup dengan ihsan ibu bapa sepenuhnya. Dengan menggalakkan remaja bekerja sambil, akan terdoronglah mereka untuk memikul tanggungjawab kepada diri sendiri. Hal ini bukan sahaja mematangkan mereka malah menerapkan sikap berdikari yang dapat *mengikis mentaliti subsidi* sekali gus membentuk generasi muda yang maju, berkeyakinan tinggi dan memiliki jati diri yang tinggi.

Kebebasan daripada budaya subsidi seperti menerima nota daripada guru atau wang daripada ibu bapa amat perlu dalam membentuk jiwa keusahawanan. Selain itu, sejajar dengan budaya timur, bekerja sambil boleh membantu memupuk nilai murni dalam diri remaja seperti sedia membantu, beradab sopan dengan orang lain dan jujur serta amanah. Bekerja sambil juga mampu meningkatkan tahap disiplin seseorang remaja. Bayangkan jika anda bukan seorang yang berdisiplin, bagaimana cara yang betul bagi memikul tanggungjawab sebagai seorang pelajar dan pekerja? Selain itu, perawakan

insan yang komited terhadap haluan hidup juga dapat dilahirkan melalui bekerja sambilan. Tidak mungkin seorang yang tidak komited dapat menggalas tanggungjawab sebagai pelajar dan pekerja.

Berdasarkan pengalaman remaja bekerja sambilan di serata dunia dan dibandingkan dengan pengalaman remaja di negara ini, dapat disimpulkan bahawa remaja yang bekerja sambilan lebih banyak menerima manfaat. Remaja yang bekerja sambilan merupakan suatu fenomena yang positif dan salah satu cara paling berkesan untuk membentuk modal insan yang berjaya di dunia dan akhirat.

( Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
‘Kerja Sambilan Mengikis Mentaliti Subsidi’  
oleh Ron A.R,  
*Dewan Siswa*, November 2007)

### **Soalan 2 : Pemahaman**

#### **Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengikis mentaliti subsidi*. [ 2 markah ]
- (ii) Mengapakah remaja melakukan kerja sambilan? [ 3 markah ]
- (iii) Remaja yang bekerja sambilan terdedah kepada pelbagai gejala tidak sihat. Pada pendapat anda, bagaimanakah perkara ini dapat diatasi? [ 4 markah ]

## Soalan 2 (b) - Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dalam setiap kenangan tentang Ripin, kini yang sering terkesan ialah sebelah tangan temannya yang terjulur kaku. Tetapi kenangannya sekarang mula kusut sedikit kerana dalam perut bot di bahagian enjinnya itu seorang anak sedang tidur nyenyak dengan berbantalkan gulung tikar berpetak merah biru. Anak inilah yang ditemui berlari-lari gementar dengan Rinda, kucingnya, di tepi jeti subuh tadi.

Deliah, cucu Ripin, memanggilnya sesungguhnya hati, meraung dan menjerit memberitahu dirinya kini benar-benar piatu. Dan kucing Siam yang dikendongnya turut mengiau-ngiau seolah-olah menyokongnya. Jumari Jipan terharu pilu. Dia memang kenal hampir seluruh ahli keluarga anak itu, khususnya Ripin. Ibu, ayah dan seorang kakak Deliah telah terkorban oleh tiga ledakan bom lapan hari lalu.

Ketika nahas itu berlaku, Jumari Jipan sedang menemani Deliah menyaksikan segugus anak ikan berlenggang di bawah kipas kemudi botnya. Deliah memang gemar dengan hidup-hidupan laut. Malah anak itu mudah leka melihat lumut yang berlenggang lemah ataupun melihat anak ketam yang berjalan miring.

Subuh tadi anak itu ternyata benar terkejut dan gamam. Baru sehari, datuk Deliah, penjaganya yang tunggal, terkorban oleh ledakan bom di tepi tebing teluk yang selama ini diyakini tempat paling selamat. Semalam dia masih di tengah laut – hari ini baru dia sempat menemui Deliah. Jumari Jipan memang lebih dekat dengan Ripin. Mereka memang sama-sama sekolah, sama-sama seiring remaja, sama-sama sehari bersunat, sama-sama beransur dewasa, sama-sama seketika mengikut rombongan sarkas Filipina mengelilingi negeri, sebelum masing-masing mencari pekerjaan lain dan sama-sama juga beransur tua.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada cerpen  
‘Di Sisi Rinda’  
oleh A. Samad Said dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Mengapakah Jumari Jipan rasa terharu dan pilu? [ 3 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang patut dilakukan untuk mengelakkan peperangan? [ 3 markah ]
- (iii) Huraikan **satu** nilai kemanusiaan yang terdapat dalam petikan dan **dua** nilai kemanusiaan lain yang terdapat dalam cerpen. [ 3 markah ]

### Soalan 2 (c) - Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Hang Jebat pun menangis mendengar kata Laksamana demikian itu. Maka Laksamana pun menangis kasihan hatinya pada Hang Jebat. Maka kata Hang Jebat, “Aku pun kerana melihat engkau dibunuh oleh Bendahara tiada dengan dosanya; sebab itulah maka sakit hatiku. Akan istimewa aku pula orang permainan tiada akan dibunuhnya, kerana raja itu membunuh tiada dengan periksanya. Pada bicara hatiku, sedang engkau banyak kebaktianmu dan jasamu lagi dibunuhnya oleh raja, istimewa aku pula. Sebab pun kuperbuat demikian ini, sepala-pala nama jahat jangan kepalang, seperti pantun Melayu rosak bawang ditimpa jambaknya; maka sempurnalah nama derhaka dan nama jahat.” Maka kata Laksamana, “Sungguh seperti katamu itu, tetapi akan kita diperhamba raja ini hendaklah pada barang sesuatu pekerjaan itu *bicarakan sangat-sangat*, seperti kata orang tua-tua; Baik mati dengan nama yang baik, jangan hidup dengan nama yang jahat, supaya masuk syurga jemaah.” Maka kata Hang Jebat, “Sebenarnya seperti kata orang kaya itu. Apatah daya diperhamba? Sudahlah gerangan rupanya perjanjian diperhamba akan mati dengan nama yang jahat; tetapi Si Jebat tiada memberi air muka sahabatnya binasa, sehingga mati sudahlah. Tetapi Si Jebat tiada beranak. Adapun akan sekarang ada seorang perempuan, dayang-dayang Datuk Bendahara, Dang Baru namanya, perempuan itu bermukah dengan diperhamba. Sekarang ia bunting tujuh bulan. Adapun jika perempuan itu beranak laki-laki, ambil oleh orang kaya jadikan pegawai anakanda Tun Nadim. Jika ia perempuan, mana perintah ibunya. Inilah pesan diperhamba pada orang kaya.”

(Dipetik daripada  
‘Pertarungan Tuah dengan Jebat’  
dalam antalogi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah maksud “*bicarakan sangat-sangat*” dalam petikan di atas?  
[ 2 markah ]
- (ii) Nyatakan alasan yang diberikan oleh Hang Jebat terhadap tindakannya.  
[ 3 markah ]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah cara yang dapat dilakukan untuk mengelakkan Hang Jebat daripada dikenakan hukuman akibat tindakannya?  
[ 3 markah ]

[ Lihat sebelah  
SULIT

**Soalan 2 (d) Puisi**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**MANUSIA DAN KESEJAHTERAAN**

Kelelahan kita semakin parah tenatnya  
berserta kekejaman mengatasi kedamaian  
*titik pertemuan menjadi tentangan*  
tak siapa mahu beralah.

Saat ini siapa lagi sanggup bersemboyan  
janjikan harapan semanis janji orang bercinta  
setiap pembicaraan tanpa persatuan  
kejujuran mati di hati.

Hari ini tak payah parau bertanya  
ketuaan dunia akan tenggelam juga  
dalam kebodohan manusia  
yang kian bermuka dua.

Demi kelak dewasanya anakku  
kau bikinlah perhitungan sendiri  
untuk menjengah neraka kecintaan manusia  
mencucuri bahan api neraka.

Tambah mengimbau sorotan kitab MUHAMMAD!  
tambah mengimbau sorotan kitab ESA!  
hanya kesejahteraan membunga api.

SALMI MANJA

*Antologi Anak Laut*

Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Apakah yang dimaksudkan *titik pertemuan menjadi tentangan*? [ 2 markah ]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya apabila manusia tidak mementingkan kedamaian? [3 markah ]
- (iii) Nyatakan **tiga** mesej yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah ]

### Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab **semua** soalan.

- (a) Tulis **satu** ayat daripada setiap perkataan dalam pasangan perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan serta menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

- (i) tawar - tawar-menawar  
 (ii) senang - senang-lenang  
 (iii) lintang - lintang-pukang

[6 markah]

- (b) Gabungkan ayat-ayat selapis di bawah ini supaya menjadi **tiga** ayat berlapis tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

Pelbagai barang keperluan harian ada dijual di pasar sehari. Pasar itu diadakan pada hari Ahad mulai pukul 7.00 pagi. Kebanyakan pelanggan datang dari daerah berdekatan. Mereka tertarik dengan tawaran harga di pasar tersebut. Harganya murah. Harganya berpatutan. Kawasan pasar itu sempit. Tempat letak kenderaan juga agak terhad.

[6 markah]

- (c) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu** kesalahan ejaan dan **satu** kesalahan penggunaan imbuhan. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.

- (i) Badan amal itu telah menancarkan Tabung Membantu Kanak-kanak Leukimia bagi meringankan beban ibu bapa mereka.  
 (ii) Pengelibatan pelajar dalam Kem Motivasi Remaja anjuran Majlis Belia Malaysia itu amat bermanfaat.  
 (iii) Projek mega yang menelan kos bebillion-billion ringgit itu adalah hasil usahasama antara Malaysia dengan kerajaan Arab Saudi.

[6 markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Kenal pasti dan betulkan kesalahan-kesalahan itu dengan menulis ayat itu semula tanpa mengubah struktur dan maksud asalnya.*

- (i) Susunan fail-fail di atas meja Encik Ridzuan itu menghalang pandangan Cik Emma yang sedang berborak dengannya.
- (ii) “Bila kami sampai di tempat kejadian, mangsa kemalangan telah dibawa ke hospital oleh orang biasa,” terang Inspektor Abu Mutalib kepada pegawai atasannya.
- (iii) Perpaduan di kalangan masyarakat majmuk di Malaysia menjadi punca kemantapan ekonomi negara pada masa akan datang.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti dan nyatakan satu peribahasa lain yang mempunyai maksud yang sama dengan peribahasa dalam ayat-ayat tersebut.*

- (i) Keputusannya untuk kembali menetap di kampung halamannya setelah lebih dua puluh tahun berada di perantauan adalah **seperti belut pulang ke lumpur**.
- (ii) “Usahlah kau bimbang, nanti Si Buang tu akan balik ke pangkuan kau. Dia kan adikkau? Kata orang, **carik-carik bulu ayam lama-lama bercantum juga**,” nasihat Mak Sarah kepada Wahid.
- (iii) Bakat Asmara dalam bidang seni itu diwarisi daripada kedua-dua ibu bapanya, seperti kata peribahasa **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.

[6 markah]

**Soalan 4 : Novel**[ 15 *markah* ]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, jelaskan **dua** peristiwa yang menunjukkan pengorbanan watak.

[ 7 *markah* ]

- (b) Antara nilai yang dipaparkan dalam sesebuah novel ialah kasih sayang. Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** nilai kasih sayang.

[ 8 *markah* ]**KERTAS SOALAN TAMAT**